



5 Mac 2012
5 March 2012
P.U. (A) 68

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (KRITERIA MINIMUM ORANG YANG “LAYAK DAN SESUAI”) 2012

MONEY SERVICES BUSINESS (MINIMUM CRITERIA OF A “FIT AND PROPER” PERSON) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (KRITERIA
MINIMUM ORANG YANG “LAYAK DAN SESUAI”) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(1), perenggan 6(1)(a), subseksyen 30(1), 30(3) dan 32(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Bank, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Kriteria Minimum Orang yang “Layak dan Sesuai”) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” berhubung dengan seseorang pemegang syer, pengawal, pengarah, dsb.

2. Kriteria minimum orang yang “layak dan sesuai” berhubung dengan seseorang pemegang syer, pengarah, pengawal, ketua pegawai eksekutif atau pengurus menurut Akta ialah seperti yang berikut:

(a) orang itu tidak pernah disabitkan suatu kesalahan di bawah—

(i) Akta ini atau Akta yang dimansuhkan;

(ii) Akta Sistem Pembayaran 2003 [*Akta 627*];

(iii) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];

(iv) Akta Insurans 1996 [*Akta 553*];

- (v) Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*];
 - (vi) Akta Takaful 1984 [*Akta 312*];
 - (vii) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*];
 - (viii) Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];
 - (ix) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
 - (x) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*];
 - (xi) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; atau
 - (xii) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];
- (b) orang itu tidak pernah disabitkan dengan suatu kesalahan jenayah yang berhubungan dengan ketidakjujuran atau fraud di bawah mana-mana undang-undang bertulis di dalam atau di luar Malaysia;
- (c) jika orang itu pernah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah yang tidak yang berhubungan dengan ketidakjujuran atau fraud di bawah mana-mana undang-undang bertulis di dalam atau di luar Malaysia, suatu tempoh selama lima tahun telah berlalu sejak hukumannya dijalankan;
- (d) orang itu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;

- (e) orang itu tidak menggantung bayaran atau dikompaun bersama pemiutangnya sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (f) orang itu tidak pernah—

 - (i) diberikan suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau
 - (ii) dikenakan apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan melalui bon atau selainya,

di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pencegahan jenayah;
- (g) orang itu tidak pernah memegang jawatan pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan mana-mana syarikat yang telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi perlindungan orang ramai daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, ketakkompetenan atau amalan salah semasa tempoh jawatannya melainkan dia membuktikan bahawa kesalahan yang dilakukan itu tanpa pengetahuannya atau kebenarannya dan dia bukan dalam suatu kedudukan yang boleh menghalang kesalahan itu;
- (h) orang itu jujur, berintegriti dan bereputasi yang baik;
- (i) orang itu mempunyai kemahiran yang wajar, pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi mengenai Akta dan peruntukan yang berkenaan dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 untuk menunaikan peranan dan tanggungjawab jawatan itu dengan berkesan;

- (j) orang itu telah menguruskan hal ehwal kewangannya dengan baik dan berhemah; dan

- (k) jika orang itu ialah seorang ketua pegawai eksekutif, dia boleh menjalankan pekerjaannya dengan sepenuh masa.

Dibuat 3 Februari 2012
[BNM.JUN. 1110/65/01; PN(PU2)701]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Gabenor

Diluluskan 20 Februari 2012
[BNM.JUN.1110/65/01; PN(PU2)701]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Menteri Kewangan

MONEY SERVICES BUSINESS ACT 2011

MONEY SERVICES BUSINESS (MINIMUM CRITERIA OF A “FIT AND PROPER” PERSON)
REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 78(1), paragraph 6(1)(a), subsections 30(1), 30(3) and 32(1) of the Money Services Business Act 2011 [Act 731], the Bank, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Money Services Business (Minimum Criteria of a “Fit and Proper” Person) Regulations 2012**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 1 December 2011.

Minimum criteria of a “fit and proper” person in relation to a shareholder, controller, director, etc.

2. The minimum criteria of a “fit and proper” person in relation to a shareholder, director, controller, chief executive officer or manager pursuant to the Act are as follows:

(a) the person has not been convicted of an offence under—

(i) this Act or the repealed Act;

(ii) the Payment Systems Act 2003 [Act 627];

(iii) the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];

(iv) the Insurance Act 1996 [Act 553];

(v) the Islamic Banking Act 1983 [Act 276];

- (vi) the Takaful Act 1984 [*Act 312*];
 - (vii) the Exchange Control Act 1953 [*Act 17*];
 - (viii) the Central Bank of Malaysia Act 2009 [*Act 701*];
 - (ix) the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*];
 - (x) the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 [*Act 613*];
 - (xi) the Capital Markets and Services Act 2007 [*Act 671*]; or
 - (xii) the Companies Act 1965 [*Act 125*];
- (b) the person has not been convicted of a criminal offence relating to dishonesty or fraud under any written law within or outside Malaysia;
- (c) if the person has been convicted of a criminal offence not relating to dishonesty or fraud under any written law within or outside Malaysia, a period of five years has lapsed since the completion of his sentence;
- (d) the person is not an undischarged bankrupt;
- (e) the person has not suspended payments or compounded with his creditor whether in or outside Malaysia;

- (f)* the person has not been—
- (i)* issued an order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation; or
 - (ii)* imposed by any form of restriction or supervision by bond or otherwise,
- under any written law relating to prevention of crime;
- (g)* the person has not held the position of a director or been directly concerned in the management of any company which has been convicted of an offence under any written law for the protection of the public against financial loss due to dishonesty, incompetence or malpractice during the tenure of his office unless he proves that such offence was committed without his knowledge or consent and he was not in a position to prevent the offence;
- (h)* the person is of probity, personal integrity and good reputation;
- (i)* the person has the appropriate skills, experience and sufficient knowledge of the Act and the relevant provisions in the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 to fulfill the role and responsibilities of the position effectively;
- (j)* the person has managed his financial affairs properly and prudently; and
- (k)* if the person is a chief executive officer, he is available for full time employment.

Made 3 February 2012
[BNM.JUN.1110/65/01; PN(PU2)701]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Governor

Approved 20 February 2012
[BNM.JUN.1110/65/01; PN(PU2)701]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
Minister of Finance